

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993

PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI (PINDAAN JADUAL 2  
DAN JADUAL 3) 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 2(2) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [Akta 498], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan Jadual 2 dan Jadual 3) 2005.**

**Pindaan Jadual 2**

2. Jadual 2 kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dipinda—

- (a) dalam perenggan 15, dengan memasukkan selepas perkataan “Akta Perindustrian Sekuriti 1983” perkataan “atau mana-mana bursa lain di luar Malaysia yang diiktiraf di bawah kaedah-kaedah suatu bursa yang diluluskan oleh Menteri menurut subseksyen 8(2) Akta Perindustrian Sekuriti 1983”; dan
- (b) dalam perenggan 20, dengan memasukkan selepas perkataan “kepada pekerja” “atau pengarah”.

### **Pindaan Jadual 3**

3. Jadual 3 kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dipinda—
- (a) dalam perenggan 15, dengan memasukkan selepas perkataan “Akta Perindustrian Sekuriti 1983” perkataan “atau mana-mana bursa lain di luar Malaysia yang diiktiraf di bawah kaedah-kaedah suatu bursa yang diluluskan oleh Menteri menurut subseksyen 8(2) Akta Perindustrian Sekuriti 1983”;
  - (b) dalam perenggan 20, dengan memasukkan selepas perkataan “kepada pekerja” perkataan “atau pengarah”;
  - (c) dalam perenggan 27, dengan memasukkan selepas perkataan “di bawah Akta ini” perkataan “atau berkenaan dengan sekuriti yang kepadanya opsyen, waran atau hak langganan yang boleh dipindahkan diubah adalah sekuriti tersenarai”; dan
  - (d) dalam perenggan 28, dengan memasukkan selepas perkataan “di bawah Akta ini” perkataan “atau berkenaan dengan sekuriti yang kepadanya nota boleh ubah diubah adalah sekuriti tersenarai”.

Dibuat 7 September 2005

[KK/BPKA/K2/(S)/483/1/5; PN(PU<sup>2</sup>)523/III]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP  
*Menteri Kewangan Kedua*